



NO. IKLAN : MPB/T01/02/112018

**LEMBAGA LADA MALAYSIA
(KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA)**

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

Permohonan dipelawa daripada warganegara Malaysia yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan/Perkhidmatan Awam Negeri/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan/Agensi Swasta bagi mengisi jawatan di Lembaga Lada Malaysia, Kementerian Industri Utama seperti berikut:

Jawatan	:	Ketua Pengarah
Kekosongan	:	Satu (1)
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Tertinggi
Gred	:	Gred Utama C (VU7)
Jadual Gaji	:	

Gred	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
VU7	7,676.00	20,592.00	9%

Taraf Jawatan

:

Taraf Jawatan	Pegawai Yang Terlibat
Secara Tetap	Pegawai dari Lembaga Lada Malaysia
Secara Peminjaman	Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan atau Perkhidmatan Awam Negeri atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan (Persekutuan/ Negeri)
Secara Kontrak	Pesara kerajaan atau pegawai dari Agensi Swasta tertakluk kepada had umur 65 tahun

Penempatan

:

Ibu Pejabat
Lembaga Lada Malaysia,
Lot 1115, Jalan Utama,
93450 Kuching, Sarawak.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

(a) Syarat-Syarat Umum:

- (i) Calon terdiri daripada warganegara Malaysia dan berumur tidak melebihi 65 tahun pada tarikh tutup iklan;
- (ii) Memiliki kelayakan akademik sekurang-kurangnya peringkat Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan;
- (iii) Mempunyai potensi memimpin di peringkat yang lebih tinggi sebagai Ketua Bahagian/Cawangan/Unit atau pasukan kerja;
- (iv) Mempunyai kesihatan yang baik yang telah diperakui oleh pengamal perubatan berdaftar;
- (v) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (vi) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- (vii) Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan
- (viii) Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib dan mempunyai rekod perkhidmatan yang bersih;

(b) Syarat-Syarat Khusus:

- (i) Calon yang sedang berkhidmat dengan Jabatan/ Kementerian, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, Persekutuan/ Negeri hendaklah telah disahkan di Gred 54 secara hakiki (*bagi calon-calon dari agensi kerajaan*);
- (ii) Memperolehi markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 80% mengikut wajaran 20% bagi tahun 2015, 35% tahun 2016 dan 45% tahun 2017 (*bagi calon-calon dari agensi kerajaan*); dan
- (iii) Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 25 tahun dalam bidang industri lada atau industri komoditi tanaman lain atau bidang pertanian atau perancangan/pengurusan strategik serta terbukti berpengalaman luas dalam menerajui atau mentadbir sesebuah organisasi, pengurusan dasar, perancangan strategik serta urus tadbir organisasi (*bagi calon-calon dari agensi swasta*).

(c) Kriteria Pemilihan:

- (i) Mempunyai cita-cita, semangat dan wawasan yang jelas serta sentiasa berusaha ke arah mencapai kejayaan cemerlang;
- (ii) Mempunyai kualiti kepimpinan yang tinggi;
- (iii) Mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi;
- (iv) Mempunyai daya tahan, daya saing yang tinggi, berdikari, berkebolehan mengenal pasti dan menganalisis isu serta masalah dan boleh mengatur strategi penyelesaian yang berkesan;
- (v) Mempunyai daya kreativiti yang tinggi, konstruktif, saintifik, progresif, inovatif, kritikal, global dan analitikal serta berkebolehan mencetus idea-idea baru serta meningkatkan usaha untuk mentransformasikan MPB ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan;
- (vi) Mempunyai pemikiran yang rasional, terbuka, berpandangan jauh, berketerampilan, bebas dan yakin;
- (vii) Mempunyai sifat jati diri dan patriotik;
- (viii) Beretika, berakhlak mulia dan menjadi *role model* kepada agensi; dan
- (ix) Berwibawa, berkarisma, berintegriti dan bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Lembaga Lada Malaysia.

(d) Deskripsi Tugas:

- (i) Mengetuai pengurusan Lembaga Lada Malaysia sebagai Ketua Eksekutifnya, merancang, mengurus, mengawal, melaksana segala program dan aktiviti Lembaga;
- (ii) Bertanggungjawab bagi pengurusan, pentadbiran keseluruhan pejabat dan pekhidmat MPB;
- (iii) Merangka dan menentukan sesuatu dasar untuk agensi bagi segala aspek pembangunan, kewangan, pentadbiran operasi aktiviti dan program selaras dengan fungsi, misi, visi, objektif dan halatuju agensi;
- (iv) Mencari idea baru bagi menambahbaik sistem-sistem bertujuan meningkat prestasi agensi;
- (v) Bertanggungjawab memastikan segala dasar Kerajaan dan peraturan yang diterima menerusi pekeliling, peraturan dan arahan mesyuarat peringkat Kementerian dilaksanakan;

- (vi) Mengawalselia dan menyelaras perbelanjaan agensi yang dibuat mengguna dana-dana yang diperuntukan selaras dengan peraturan belanjawan dan kewangan;
- (vii) Bertanggungjawab ke atas aspek perkhidmatan semua pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan agensi. Menentukan sasaran kerja tahunan pegawai di bawah jagaannya dan membuat penilaian prestasi;
- (viii) Berhubung secara langsung dengan pihak atasan, “stakeholders” perkara berkaitan pengurusan agensi amnya, pelaksanaan program dan aktiviti khususnya;
- (ix) Mempengerusikan Jawatankuasa dalaman yang dibentuk oleh agensi, menganggotai jawatankuasa di peringkat Kementerian, menganggotai Panel/Pertubuhan berkaitan industri di peringkat antarabangsa;
- (x) Menjalankan kuasa-kuasa yang diperturunkan berkaitan kedudukan sebagai Ketua Jabatan seperti menandatangani cek, sijil-sijil, Perjanjian, Surat Tawaran, meluluskan perolehan, pelupusan aset, pinjaman-pinjaman yang diuruskan agensi dan sebagainya;
- (xi) Mewakili agensi bagi mesyuarat di peringkat tertinggi, di kementerian, di antara agensi dan di peringkat antarabangsa; dan
- (xii) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh YB Menteri, Kementerian dan Lembaga.

CARA MEMOHON:

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang permohonan yang boleh dicetak melalui portal rasmi Lembaga Lada Malaysia iaitu www.mpb.gov.my
- (b) Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta sekeping gambar berukuran pasport dan *Resume* hendaklah dikemukakan **sebelum atau pada 12 November 2018 (Isnin), jam 12.00 tengahari** ke alamat seperti berikut:

Lembaga Lada Malaysia
Kementerian Industri Utama
Lot 1115, Jalan Utama,
93450 Kuching, Sarawak.
**(u/p : Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Pentadbiran Am)**
- (c) Setiap permohonan hendaklah mendapat sokongan daripada Ketua Jabatan/ majikan masing-masing.
- (d) Nama jawatan yang dipohon hendaklah dicatat di sudut atas sebelah kiri sampul surat.